

Untung Pharmaniaga naik 12.2 peratus

KUALA LUMPUR 19 Feb. – Pharmaniaga Bhd. mengumumkan keuntungan sebelum cukai suku keempat yang berakhir pada 31 Disember 2009 meningkat sebanyak 12.2 peratus kepada RM27.49 juta berbanding suku yang sama pada 2008.

Peningkatan itu disebabkan oleh perbelanjaan operasi yang lebih rendah dan RM7.2 juta diperoleh daripada penjualan dua lot tanah, demikian menurut syarikat itu dalam satu kenyataan hari ini.

Perolehannya bagi suku keempat berjumlah RM323.90 juta, rendah sedikit berbanding RM328.24 juta pada tempoh yang sama pada 2008, terutamanya disebabkan oleh jualan yang lebih rendah daripada operasinya di Indonesia.

Bagi tahun kewangan sepenuhnya, kumpulan mencatatkan perolehan RM1.30 bilion, hampir tidak berubah daripada perolehan tahun sebelumnya sebanyak RM1.30 bilion.

Keuntungan sebelum cukai sebanyak RM81.43 juta berbanding dengan RM90.59 juta pada 2008, susut 10.2 peratus, terutamanya disebabkan oleh margin keuntungan kasar yang lebih kecil, diimbangi oleh perbelanjaan yang lebih rendah dan keuntungan dalam penjualan aset.

Mengulas mengenai keputusan dan tinjauan masa depan, Pengarah Urusan Mohamad Abdullah berkata, tinjauan bagi industri farmaseutikal Malaysia dijangka bertambah baik.

“Kami dalam kedudukan yang baik untuk memanfaatkan pergerakan positif ini,” katanya.

Date:

February 20, Saturday 2010

Placement In Publication ;

Business – Page 20

File :

Pharmaniaga